

Berita Palsu Semasa Pandemik COVID-19: Tinjauan Dari Perspektif Perundangan

Fake News During COVID-19 Pandemic: An Overview from a Legal Perspective

Ida Shafinaz Mohamed Kamil dan Mohd Dahlan A. Malek
Universiti Malaysia Sabah

Corresponding author: ismk97@ums.edu.my

Dihantar: 22 November 2021 / Diterima: 15 Disember 2021

Received date: 22 November 2021 / Accepted date: 15 December 2021

Hari ini, seluruh dunia sedang menghadapi bencana yang dipanggil penyakit *novel coronavirus* yang dikenali sebagai COVID-19. Setakat Oktober 2021, telah dilaporkan bahawa lebih daripada 248 juta kes dan 5 juta kematian direkodkan di seluruh dunia. Di Malaysia, 2,466,663 kes direkodkan dengan 28,876 kematian dilaporkan pada 30 Oktober 2021. Malangnya, dunia bukan sahaja berhadapan dengan pandemik COVID-19, malah infodemik COVID-19 juga, di mana berita palsu tentang penyakit COVID-19 merebak dengan lebih cepat dan lebih meluas daripada virus itu sendiri. Penularan berita palsu semakin berleluasa menerusi pelbagai platform media sosial yang menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat. Ketidakpastian dalam memahami apa sebenarnya berita palsu telah menyebabkan kesukaran dan cabaran dalam menyediakan penyelesaian kepada bahaya yang ditimbulkan oleh berita palsu. Artikel ini membincangkan apa yang dikatakan berita palsu dan mengkaji rangka kerja undang-undang yang disediakan untuk memerangi berita palsu di Malaysia. Dengan menggunakan metodologi penyelidikan doktrinal, artikel ini menganalisis dengan teliti peruntukan undang-undang yang berkaitan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dan Kanun Keseksaan serta Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No.2) 2021 yang berkuat kuasa pada 12 Mac 2021 serta kes berkaitan, untuk kesalahan dan hukuman berhubung dengan berita palsu. Dapatan daripada analisis menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam peruntukan undang-undang untuk mengawal berita palsu khususnya mengenai COVID-19.

Kata kunci: berita palsu, COVID-19, kesalahan jenayah, infodemik, pandemik

Today, the whole world is facing a catastrophe called novel coronavirus disease known as COVID-19. As of October 2021, it has been reported that more than 248 million cases and 5 million deaths have been recorded worldwide. In Malaysia, 2,466,663 cases were reported with 28,876 deaths recorded on 30 October 2021. Unfortunately, the world is not only facing the COVID-19 pandemic, but the COVID-19 infodemic as well, where fake news about COVID-19 disease is spreading faster and more widely than from the virus itself. The spread of fake news is amplified through various social media platforms which is causing concern among the community. The uncertainty in understanding what fake news really is has caused difficulties and challenges in providing a solution to the hazards that it creates. This article discusses what constitutes fake news examines the current legal framework put in place to combat fake news in Malaysia. Employing a doctrinal research methodology, this article thoroughly analyzes the relevant legal provisions under the Communications and Multimedia Act 1998, the Penal Code and the Emergency (Essential Powers) Ordinance (No.2) 2021 which came into force on 12 March 2021 as well as related case laws, for offences and punishments with regards to fake news. The findings from the analysis indicate that there is still room for improvement in regulating fake news in particular concerning COVID-19.

Keywords: fake news, COVID-19, criminal offence, infodemic, pandemic

Pada awal tahun 2020, penyakit coronavirus baharu (2019-nCoV atau dikenali sebagai COVID-19) telah muncul sebagai jangkitan pernafasan serius yang menimbulkan kebimbangan serius terhadap bahaya kesihatan global. Sehingga Oktober 2021, telah dilaporkan bahawa lebih daripada 248 juta kes dan 5 juta kematian direkodkan di seluruh dunia. Di Malaysia, 2,466,663 kes direkodkan dengan 2,368,634 sembuh dan 28,876 kematian dilaporkan pada 30 Oktober 2021 (<https://covidnow.moh.gov.my/>).

Walau bagaimanapun, dunia bukan sahaja menghadapi pandemik COVID-19, tetapi infodemik COVID-19 juga yang semakin membimbangkan. Berita palsu tentang

penyakit COVID-19 merebak lebih cepat dan lebih meluas berbanding virus itu sendiri melalui pelbagai platform internet serta platform media sosial. Kesan berita palsu telah membawa kepada apa yang disifatkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai "infodemik"; iaitu akibat bagaimana wabak coronavirus membawa kepada banyak maklumat salah di media sosial dan beberapa laman web yang mengandungi maklumat yang tidak tepat (Thomas, 2020).

Dalam kes COVID-19, berita palsu datang dalam pelbagai bentuk, bermula daripada teori konspirasi tentang virus yang dicipta sebagai senjata biologi di China sehingga kepada dakwaan bahawa makanan/herba tertentu boleh membunuh virus. Paling bahaya, berita palsu atau

maklumat salah seperti ini boleh menyebabkan orang ramai beralih kepada remedi yang tidak berkesan atau enggan mengambil vaksin yang mana berpotensi memudaratkan diri mereka secara langsung, ataupun bertindak balas secara berlebihan yang mana ianya mendatangkan situasi panik dalam kalangan masyarakat seperti menyorok barangan keperluan seharian yang pastinya menimbulkan ‘pembelian panik’ atau yang lebih berbahaya, kurang atau gagal bertindak (seperti dengan sengaja melibatkan diri dengan tindakan bahaya atau membawa risiko serta menyebarkan virus secara tidak sengaja, ataupun mengelakkan rawatan yang betul) (Ahinkorah et al., 2020; Pennycook et al., 2020).

Walaupun berita palsu bukanlah perkara baru dalam era digital, namun fenomena penularan berita palsu amat membimbangkan dan sangat mudah untuk menghasilkan serta berkongsi berita palsu, di mana platform media sosial internet (seperti Facebook, WhatsApp, Twitter, Instagram, Telegram dan sebagainya) di dapati sebagai punca utama fenomena ini (Raja, 2020). Ketidakpastian dalam memahami apa sebenarnya berita palsu telah menyebabkan kesukaran dan cabaran dalam menyediakan penyelesaian kepada bahaya yang ditimbulkannya. Dengan peningkatan jumlah maklumat salah, semakin sukar untuk orang ramai membezakan berita palsu daripada berita tepat (Zhou & Zafarani, 2020).

Objektif dan Skop

Berdasarkan latar belakang ini, artikel ini akan:

1. menjelaskan apa itu berita palsu dan bagaimana berita palsu boleh terjadi,
2. menyediakan analisis komprehensif rangka kerja undang-undang sedia ada yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk memerangi berita palsu seperti yang diperuntukkan dalam statut dan undang-undang berkaitan; dan
3. meneliti langkah-langkah bukan undang-undang yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam menangani berita palsu di Malaysia.

Artikel ini bagaimanapun hanya menumpukan perbincangan mengenai berita palsu mengenai pandemik COVID-19 serta peruntukan undang-undang dalam menangani berita palsu semasa pandemik ini. Walau bagaimanapun, artikel ini tidak membincangkan peruntukan dalam Akta Anti Berita Tidak Benar 2018 (Akta 803) yang mana telah dimansuhkan pada 19 Disember 2019.

Metodologi

Metodologi yang diguna pakai oleh artikel ini ialah metodologi penyelidikan doktrinal yang sebahagian besarnya dokumentari. Objektif asas penyelidikan doktrinal adalah untuk menemui, menerangkan, meneliti, menganalisis dan mempersempahkannya, secara sistematik, fakta, prinsip, peruntukan, konsep, teori atau kerja undang-undang atau institusi undang-undang tertentu (Yaqin, 2007, ms.10).

Menurut Watkins dan Burton (2018), penyelidikan doktrinal ialah proses mengenal pasti, menganalisis dan

mensintesis kandungan undang-undang. Ia secara kritis mengkaji ciri-ciri utama perundangan dan undang-undang kes sambil meringkaskan elemen yang berkaitan untuk mewujudkan pernyataan undang-undang yang boleh dikatakan betul dan lengkap mengenai isu yang dipersoalkan. Penyelidikan doktrinal yang sering digambarkan dalam bahasa mudah sebagai penyelidikan ‘black-letter’ yang bertujuan untuk membetulkan dan menjelaskan undang-undang secara sistematik pada mana-mana topik tertentu dengan cara analisis tersendiri kepada teks berwibawa yang terdiri daripada sumber primer dan sekunder (Hutchinson & Duncan, 2012; McConville & Wing, 2012; Dobinson & Johns, 2012). Data utama atau primer kajian ini datang daripada statut yang menjadi fokus artikel ini, iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Kanun Keseksaan, Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No.2) 2021, serta peruntukan statut dan keputusan kehakiman berkaitan. Manakala, sumber sekunder termasuklah buku teks, jurnal akademik, dan laporan undang-undang dan laporan akhbar, juga digunakan dalam perbincangan.

Perbincangan

Apakah yang dikatakan berita palsu?


Majoriti penyelidik dan penulis mengaitkan berita palsu sama seperti kempen salah informasi, propaganda siber, penggodaman kognitif, dan peperangan maklumat, yang kesemuanya boleh disimpulkan sebagai manipulasi pendapat umum untuk mencapai matlamat tertentu (Gu et al., 2017). Apa pun, peningkatan berita palsu adalah disebabkan oleh sambungan internet dan platform digital yang memungkinkan pengguna untuk berkongsi dan menyebarkan maklumat, di mana halangan masa dan jarak tidak wujud lagi, dan pada masa yang sama, memudahkan proses penyebaran berita palsu yang menjejaskan kehidupan sebenar masyarakat kita.

Menurut Posetti dan Matthews, (2018), kemajuan teknologi membolehkan saluran berita palsu menyalin laman web berita sebenar dan dengan usaha yang lebih sedikit, mereka mudah memanipulasi audio dan video untuk mencipta salinan representasi mana-mana sumber. Berita palsu juga telah digunakan untuk merujuk kepada manipulasi imej atau video sebenar untuk mencipta naratif palsu. Manipulasi imej telah menjadi suatu yang semakin biasa dilakukan dengan kemunculan foto digital, perisian manipulasi imej yang cekap serta pengetahuan tentang teknik.

Menurut Yatid (2019), berita palsu merupakan sebahagian daripada satu fenomena yang lebih besar yang dipanggil ‘*misinformation*’ dan ‘*disinformation*’, yang terletak di bawah payung Gangguan Maklumat (*Information Disorder*). Rajah 1 di bawah menerangkan tiga jenis gangguan maklumat seperti yang telah diuraikan oleh Wardle & Derakhshan (2017), iaitu *misinformation* (maklumat yang salah), iaitu maklumat yang palsu, tetapi tidak dicipta dengan niat untuk mendatangkan kemudaratan, *disinformation*, iaitu maklumat yang palsu dan sengaja dicipta untuk memudaratkan seseorang, kumpulan sosial, organisasi atau negara), dan *mal-information* (maklumat yang berdasarkan realiti, digunakan untuk mendatangkan bahaya kepada seseorang, organisasi atau negara).

Rajah 1

Jenis Gangguan Maklumat (Wardle & Derakshan, 2017)



Rajah 1 menunjukkan bagaimana kesan berita palsu kepada masyarakat. Berita palsu yang termasuk dalam kategori *misinformation* dan *disinformation* kemudiannya telah dikategorikan pada beberapa jenis maklumat.

Steinberg (2017) dalam Yatid (2019) telah membangunkan satu model, Eavi Media Literacy for Citizenship. Model ini yang turut diadaptasi oleh Pusat Operasi Pertahanan Siber Malaysia, menerangkan sepuluh kategori berita yang mengelirukan iaitu 1) Propaganda 2) Umpan klik (*clickbait*) 3) Kandungan yang ditaja 4) Satira dan berita bohong (*hoax*) 5) Ralat 6) Partisan 7) Teori konspirasi 8) Pseudosains 9) Maklumat salah dan 10) Palsu (*bogus*).

Model Eavi Eavi Media Literacy for Citizenship juga menerangkan motivasi di sebalik berita yang mengelirukan itu sama ada disebabkan oleh wang, politik atau kuasa, jenaka dan (salah) maklumat. Model ini juga turut menyediakan tahap impak untuk sepuluh kategori tersebut. Berdasarkan model ini, empat kategori termasuk di bawah “impak tinggi” iaitu teori konspirasi, pseudosains, salah maklumat dan palsu.

Bahaya berita palsu memang tidak dapat disangkal terutama semasa pandemik COVID-19 ini. Justeru, usaha untuk menangani berita palsu perlu diadakan terutama dari aspek perundangan demi membasmi penyebaran berita tidak benar yang boleh menggugat keselamatan dan keharmonian negara.

Rangka kerja perundangan untuk menangani berita palsu di Malaysia

Di Malaysia, rangka kerja perundangan untuk menangani berita palsu diperuntukkan di bawah beberapa statut. Merujuk Jadual 1 di bawah, kesalahan berkaitan berita palsu di Malaysia diperuntukkan dan dihukum di bawah statut berikut, iaitu:

1. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM);
2. Kanun Keseksaan (KK); dan
3. Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No.2) 2021 (OD) yang berkuat kuasa pada 12 Mac 2021.

Jadual 1

Rangka Kerja Perundangan Berkaitan Berita Palsu di Malaysia

	AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998	KANUN KESEKSAAN	ORDINAN DARURAT 2021
Kesalahan	<ul style="list-style-type: none"> • S.211(1) AKM - Tiada pembekal perkhidmatan aplikasi kandungan, atau orang lain yang menggunakan perkhidmatan aplikasi kandungan, boleh memberikan kandungan yang sumbang, lucu, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang. • S.233(1) AKM - Seseorang melakukan kesalahan jika beliau, (a) dengan menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian atau 	<ul style="list-style-type: none"> • S.124I KK - Mana-mana orang yang, secara lisan atau bertulis atau dalam mana-mana akhbar, berkala, buku, pekeliling, atau penerbitan bercetak lain atau melalui apa-apa cara lain termasuk secara elektronik, menyebarkan laporan palsu atau membuat kenyataan palsu berkemungkinan untuk menimbulkan kebimbangan awam, hendaklah dihukum penjara selama tempoh yang boleh dilanjutkan sehingga 5 tahun. • Di samping itu, menurut s.505(b) KK, adalah satu kesalahan kepada sesiapa yang membuat, menerbitkan atau mengedarkan 	<ul style="list-style-type: none"> • S.2 OD - Istilah "berita palsu" ditakrifkan sebagai "sebarang berita, maklumat, data dan laporan, yang palsu keseluruhan atau sebahagiannya berkaitan dengan COVID-19 atau pengisytiharan kecemasan, sama ada dalam bentuk ciri, rakaman visual atau audio atau dalam sebarang bentuk lain yang mampu mencadangkan perkataan atau idea". • Di bawah s.4(1) OD, seseorang yang, antara lain, mencipta, menawarkan,

	<p>perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi dengan sengaja membuat, mewujudkan atau meminta; dan memulakan penghantaran, sebarang komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain; atau (b) memulakan komunikasi menggunakan mana-mana perkhidmatan aplikasi, sama ada secara berterusan, berulang kali atau sebaliknya, semasa komunikasi mungkin atau mungkin tidak berlaku, dengan atau tanpa mendedahkan identitinya dan dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu mana-mana orang di mana-mana nombor atau alamat elektronik.</p>	<p>apa-apa kenyataan, khabar angin atau laporan dengan niat untuk menyebabkan, atau yang mungkin menyebabkan, ketakutan atau kegugutan orang ramai, atau kepada mana-mana golongan awam supaya yang demikian itu seseorang mungkin terdorong melakukan kesalahan terhadap Negara atau terhadap ketenteraman awam, dan orang itu apabila disabitkan, hendaklah dihukum penjara yang boleh berlanjutan sehingga 2 tahun atau dengan denda atau kedua-duanya</p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>Pengecualian</u> - Ia tidak menjadi kesalahan dalam pengertian seksyen ini, apabila orang yang membuat, menerbitkan atau mengedarkan apa-apa kenyataan, khabar angin atau laporan sedemikian mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa kenyataan, khabar angin atau laporan tersebut adalah benar dan membuat, menerbitkan. atau mengedarkannya tanpa sebarang niat seperti yang dinyatakan di atas. 	<p>menerbitkan atau menyebarkan sebarang berita palsu melakukan suatu kesalahan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • S.5 OD menghukum mana-mana orang yang secara langsung atau tidak langsung memberikan bantuan kewangan untuk tujuan melakukan atau memudahkan pelaksanaan kesalahan di bawah s.4 OD.
Hukuman bagi kesalahan	<ul style="list-style-type: none"> • Sebarang pelanggaran boleh dikenakan sabitan jenayah dan apabila disabitkan, individu itu boleh didenda sehingga RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun, atau kedua-duanya dan juga boleh didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari atau sebahagian daripada hari di mana kesalahan itu diteruskan selepas sabitan - s.211(2) & S.233(3) AKM. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggaran kepada s.124I boleh dihukum penjara selama tempoh yang boleh dilanjutkan sehingga 5 tahun - s.124I KK • Pelanggaran kepada s.505(b) boleh dihukum dengan pemenjaraan yang boleh dilanjutkan sehingga 2 tahun atau dengan denda atau dengan kedua-duanya – s.505 KK. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggaran kepada s.4(1) boleh dihukum denda tidak melebihi RM100,000 dan/atau penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun - s.4(1) OD. • Pelanggaran kepada s.5 boleh dihukum denda tidak melebihi RM500,000 dan/atau penjara selama tempoh tidak melebihi 6 tahun – s.5 OD.
Kriteria untuk kesalahan di bawah seksyen berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> • S.211(1) AKM - Kandungan yang sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang. • S.233(1) AKM - Komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain 	<ul style="list-style-type: none"> • S.124I KK - Laporan palsu atau membuat kenyataan palsu berkemungkinan menyebabkan ketakutan atau kegugutan awam. • S.505(b) KK - Kenyataan, khabar angin atau laporan dengan niat untuk menyebabkan, atau yang dia mungkin menyebabkan, ketakutan atau kebimbangan kepada orang ramai, atau kepada mana-mana bahagian orang ramai yang mana mana-mana orang boleh didorong untuk melakukan kesalahan terhadap negara atau menentang ketenteraman awam. • <u>Pengecualian</u> - Alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa kenyataan, khabar angin atau laporan tersebut adalah benar dan membuat, menerbitkan atau mengedarkannya tanpa sebarang niat seperti yang dinyatakan di atas. 	<ul style="list-style-type: none"> • S.2 OD – Takrifan berita palsu - sebarang berita, maklumat, data dan laporan, yang palsu sepenuhnya atau sebahagiannya berkaitan dengan COVID-19 atau pengisytiharan darurat, sama ada dalam bentuk ciri, visual atau rakaman audio atau dalam sebarang bentuk lain yang mampu mencadangkan perkataan atau idea. • S.4(1) OD - Mencipta, menawarkan, menerbitkan atau menyebarkan sebarang berita palsu • S.5 OD - Memberikan bantuan kewangan secara langsung atau tidak langsung untuk tujuan melakukan atau memudahkan pelaksanaan kesalahan di bawah s.4.

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Communications and Multimedia Act 1998) - s.211 dan s.233

Salah satu statut utama yang mengawal berita palsu di Malaysia ialah **Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM)** yang digubal untuk mengawal selia industri komunikasi dan multimedia di mana **s.211** digunakan sebagai satu cara untuk mewajarkan pengekangan penyebaran berita palsu. Menurut **s.211(1) AKM**, tiada pembekal perkhidmatan aplikasi kandungan, atau orang lain yang menggunakan perkhidmatan aplikasi kandungan, boleh memberikan kandungan yang suambang, lucu, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang. Sebarang pelanggaran kepada **s.211** boleh disabitkan dengan sabitan jenayah dan apabila disabitkan, individu itu boleh didenda sehingga RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya dan juga boleh didenda selanjutnya RM1,000 untuk setiap hari atau sebahagian daripada hari di mana kesalahan itu diteruskan selepas sabitan (**s.211(2) AKM**). Disini, **s.211 AKM** telah mengkategorikan 'kandungan palsu' di bawah klasifikasi umum yang dikenali sebagai 'kandungan yang jelik' (*offensive content*).

Manakala **s.233 AKM**, secara khusus menangani penggunaan kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian yang tidak wajar untuk menghantar sebarang komunikasi yang lucu, palsu, mengancam atau jelik sifatnya. **S.233(1) AKM** memperuntukkan bahawa seseorang melakukan kesalahan jika beliau, (a) dengan menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi dengan sengaja membuat, mewujudkan atau meminta; dan memulakan penghantaran, sebarang komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucu, suambang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain; atau (b) memulakan komunikasi menggunakan mana-mana perkhidmatan aplikasi, sama ada secara berterusan, berulang kali atau sebaliknya, semasa komunikasi mungkin atau mungkin tidak berlaku, dengan atau tanpa mendedahkan identitinya dan dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu mana-mana orang di mana-mana nombor atau alamat elektronik.

S.233(2) AKM seterusnya memperuntukkan bahawa, seseorang melakukan kesalahan sekiranya beliau dengan sengaja (a) melalui perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi menyediakan apa-apa komunikasi lucu untuk tujuan komersial kepada mana-mana orang; atau (b) membenarkan perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi di bawah kawalan orang itu digunakan untuk aktiviti yang diterangkan dalam perenggan (a).

Penalti bagi kesalahan di bawah **s.233** adalah serupa dengan penalti di bawah **s.211** iaitu sabitan jenayah dan hukuman denda sehingga RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya, dan juga boleh didenda selanjutnya RM1,000 untuk setiap hari atau sebahagian daripada hari di mana kesalahan itu diteruskan selepas sabitan. Untuk sabitan di bawah kedua-dua seksyen di atas, kandungan mestilah lucu, suambang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu mana-mana orang. Dalam kes *Rutin bin Suhaimi Ivn*

Pendakwa Raya [2015] 3 CLJ 838, perayu telah didakwa melakukan kesalahan di bawah **s.233 AKM**. Beliau telah membangkitkan pembelaan bahawa beliau tidak memulakan penghantaran komen sebagaimana yang didakwa. Semasa rayuan, mahkamah telah membenarkan rayuannya dikekalkan kerana tiada bukti sebenar bahawa beliau benar-benar membuat dan memulakan penghantaran komen itu kerana komputer dan akaun internet beliau juga boleh diakses oleh pihak ketiga.

Di sini, walaupun Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 tidak mentakrifkan apa yang dikatakan berita palsu, namun ia ada memperuntukkan apa yang dikatakan kandungan palsu. Menurut **s.213 AKM**, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 harus dibaca bersama dengan **Kod Kandungan (Content Code)** seperti yang diterima pakai oleh **Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia (FKKM)**. Kod Kandungan ini memperuntukkan antara lain larangan bagi penyediaan kandungan yang tidak bersesuaian, cara mengklasifikasi kandungan, prosedur dalam menangani aduan awam dan pelaporan tentang aduan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), maklumat awam serta Pendidikan mengenai regulasi dan teknologi kandungan dan lain-lain hal yang berkaitan komuniti.

Perkara 7.0 Kod Kandungan (Kod) menerangkan apa yang dikatakan kandungan palsu dalam talian walaupun tidak secara mendalam. **Perkara 7.1 Kod** telah mentakrifkan 'kandungan palsu' sebagai bahan yang "berkemungkinan mengelirukan, antara lain disebabkan oleh maklumat yang tidak lengkap" di mana ia telah menasihati pengguna Internet untuk mengelakkan kandungan yang tidak disahkan dan palsu. **Perkara 7.2 Kod** menyatakan kandungan adalah palsu di mana langkah munasabah untuk mengesahkan kebenarannya sebelum komunikasi telah tidak diambil atau dijalankan. **Perkara 7.3 Kod** memperuntukkan pengecualian apabila kandungan palsu tidak dilarang, iaitu apabila ia bersifat satira, parodi dan fiksiyen. Walau bagaimanapun, Kod Kandungan ini tidak mempunyai kuatkuasa sebagai statut tetapi sebagai garis panduan kawal selia sendiri industri (Daud & Jalil, 2017 dalam Daud & Zulhuda, 2020)

Badan penguatkuasa bagi penguatkuasaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 adalah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). SKMM mempunyai kuasa dan kapasiti untuk mendakwa individu yang menyebarkan berita palsu dalam tempoh 24 jam selepas kesalahan dilakukan melalui media sosial, yang terletak di bawah bidang kuasa **s.233 AKM**.

Dalam membendung penyebaran berita palsu berkaitan wabak COVID-19 di Malaysia, terdapat ratusan siasatan yang dijalankan oleh SKMM, di mana beberapa daripadanya telah didakwa menyebarkan berita palsu berkaitan wabak COVID-19 dan perintah kawalan pergerakan. atau peraturan yang berkaitan dengan kawalan virus (Thomazios et al., 2021).

Di samping itu, menurut **s.245 AKM**, mana-mana pegawai awam boleh diberi kuasa untuk melaksanakan kuasa penguatkuasaan. Oleh itu polis di Malaysia melalui Jawatankuasa Khas Jenayah Siber diberi kuasa untuk menjamin penahanan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Kanun Keseksaan (Penal Code) – s.124I dan s.505

Kesalahan berita palsu juga diperuntukkan dan dihukum di bawah **Kanun Keseksaan (KK)**. **S.124I KK** memperuntukkan kesalahan berkenaan penyebaran laporan

palsu atau kenyataan palsu yang menyebabkan kebimbangan awam, dan memperuntukkan hukuman bagi mereka yang disabitkan kesalahan di bawah seksyen tersebut.

S.124I KK memperuntukkan bahawa 'mana-mana orang yang, secara lisan atau bertulis atau dalam mana-mana akhbar, berkala, buku, pekeling, atau penerbitan bercetak lain atau melalui apa-apa cara lain termasuk secara elektronik, menyebarkan laporan palsu atau membuat kenyataan palsu berkemungkinan untuk menimbulkan kebimbangan awam, hendaklah dihukum penjara selama tempoh yang boleh dilanjutkan sehingga lima tahun.

Di samping itu, menurut **s.505(b) KK**, adalah satu kesalahan kepada sesiapa yang membuat, menerbitkan atau mengedarkan apa-apa kenyataan, khabar angin atau laporan dengan niat untuk menyebabkan, atau yang mungkin menyebabkan, ketakutan atau kegenteran orang ramai, atau kepada mana-mana golongan awam supaya yang demikian itu seseorang mungkin terdorong melakukan kesalahan terhadap Negara atau terhadap ketenteraman awam, dan orang itu apabila disabitkan, hendaklah dihukum penjara yang boleh berlanjutan sehingga dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya.

Walau bagaimanapun, pengecualian di bawah **s.505** tersebut memperuntukkan bahawa ianya tidak menjadi kesalahan dalam pengertian seksyen ini, apabila orang yang membuat, menerbitkan atau mengedarkan apa-apa kenyataan, khabar angin atau laporan sedemikian mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa kenyataan, khabar angin atau laporan tersebut adalah benar dan membuat, menerbitkan atau mengedarkannya tanpa sebarang niat seperti yang dinyatakan di atas.

Di sini, berita palsu tidak ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan. Walau bagaimanapun, pesalah mungkin bertanggungjawab jika boleh dibuktikan bahawa dia berniat untuk menyebabkan, atau berkemungkinan menimbulkan ketakutan atau kebimbangan kepada orang ramai dengan penyebaran, penerbitan atau pengedaran laporan palsu atau kenyataan palsu di bawah **s.124I**, atau kenyataan atau khabar angin atau laporan di bawah **s.505 KK**. Dalam satu kes yang dilaporkan, seorang pengguna aplikasi WhatsApp telah disabitkan kesalahan di bawah **s.505b** di mana beliau telah didenda RM5,000 sebagai ganti penjara selama tempoh sehingga 10 bulan selepas membuat pengakuan bersalah kerana mengedarkan kenyataan palsu di WhatsApp berhubung dengan banduan yang meninggal dunia akibat COVID-19 (The Malaysian Insight, 2020)

Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No. 2) 2021 (Emergency (Essential Powers) (No. 2) Ordinance 2021)

Pada 14 Januari 2021, **Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No.2) 2021 (Ordinan Darurat 2021 atau OD)** telah diluluskan dan berkuat kuasa pada 12 Mac 2021.

Ordinan Darurat 2021 mempunyai kuasa dan kesan yang sama seperti Akta Parlimen, sehingga dirungkaikan atau dimansuhkan oleh kedua-dua Dewan Parlimen, atau sehingga ia tamat selepas tempoh enam bulan bermula dengan tarikh penamatan Pengisytiharan Darurat.

Menurut **s.18 OD**, sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau percanggahan antara peruntukan Ordinan dan mana-mana undang-undang bertulis lain, peruntukan Ordinan Darurat 2021 akan mengatasi peruntukan undang-undang bertulis lain setakat percanggahan atau ketidakselarasan tersebut.

Ordinan Darurat 2021 tersebut telah menjadikannya satu kesalahan jenayah untuk mencipta, menerbitkan atau menyebarkan berita palsu berkaitan COVID-19 atau

pengisytiharan darurat di negara ini. Istilah "berita palsu" telah ditakrifkan dalam **s.2 OD**, sebagai "sebarang berita, maklumat, data dan laporan, yang palsu keseluruhan atau sebahagiannya berkaitan dengan COVID-19 atau pengisytiharan kecemasan, sama ada dalam bentuk ciri, rakaman visual atau audio atau dalam apa-apa bentuk lain yang mampu mencadangkan perkataan atau idea". Kesalahan yang berkaitan dengan berita palsu diperuntukkan di bawah **s.4(1) OD**, di mana ia diperuntukkan bahawa seseorang yang, antara lain, mencipta, menawarkan, menerbitkan atau menyebarkan mana-mana berita palsu melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 dan/atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun. **S.5 OD** menghukum mana-mana orang yang secara langsung atau tidak langsung memberikan bantuan kewangan untuk tujuan melakukan atau memudahkan pelakuan kesalahan di bawah **s.4 OD**. Orang tersebut boleh melakukan kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM500,000 dan/atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun.

Ordinan Darurat, di bawah **s.6 OD**, juga memperuntukkan bahawa individu, syarikat dan platform internet mesti mengalih keluar kandungan dalam masa 24 jam selepas pegawai polis atau pegawai lain yang diberi kuasa memberitahu mereka berbuat demikian. Kegagalan mengalih keluar kandungan boleh didenda sehingga RM100,000 dan, dalam kes kesalahan berterusan, sehingga RM300,000 untuk setiap hari di mana bahan itu masih tersedia.

Pemakaian luar wilayah bagi Ordinan Darurat telah diperuntukkan dalam **s.3(1) OD**, di mana seseorang yang melakukan kesalahan di bawah Ordinan ini di luar Malaysia boleh disabitkan dengan kesalahan tersebut seolah-olah ianya dilakukan di dalam Malaysia. Bagaimanapun, kesalahan yang dilakukan mestilah melibatkan Malaysia atau orang yang terlibat dengan pelakuan kesalahan itu mestilah warganegara Malaysia.

Namun begitu, Ordinan Darurat 2021 telah dikritik hebat oleh banyak pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) hak asasi manusia. Ordinan Darurat tersebut telah dikritik sebagai gagal mewujudkan piawaian untuk menentukan perkara yang salah, dan oleh itu, meningkatkan risiko bahawa ia boleh digunakan untuk menutup kritikan terhadap kerajaan. Ordinan Darurat itu juga dikatakan membenarkan sabitan hukuman jenayah tanpa memerlukan unsur *mens rea* (fikiran bersalah), iaitu elemen yang diperlukan untuk mewujudkan kesalahan jenayah di samping *actus reus* (perbuatan bersalah). Dalam pengertian ini, seseorang pesalah dikatakan boleh dihukum kerana menyebarkan maklumat palsu tanpa memerlukan beliau tahu bahawa ia adalah palsu, sekali gus meletakkan risiko mereka yang berkongsi maklumat yang mempercayainya adalah benar, atau mereka yang membuat komen kritis berdasarkan salah faham atau salah maklumat (Human Rights Watch, 2021). Hukuman yang dikenakan di bawah Ordinan Darurat juga jauh lebih berat berbanding hukuman yang dikenakan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Kanun Keseksaan.

Dari perbincangan di atas, didapati terdapat pertindanan peruntukan bagi kesalahan berita palsu serta perbezaan yang jelas dari segi kriteria serta hukuman yang disediakan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Kanun Keseksaan serta Ordinan Darurat. Takrifan mengenai apakah yang dikatakan berita palsu hanya diperuntukkan di bawah Ordinan Darurat yang mana takrifan tersebut merujuk khusus kepada berita palsu berkenaan

COVID-19 atau pengisytiharan darurat manakala tiada takrifan yang diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Kanun Keseksaan. Jelas bahawa peruntukan di bawah Ordinan Darurat lebih mengkhusus kepada kesalahan berita palsu mengenai COVID-19 serta perisytiharan darurat manakala peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Kanun Keseksaan lebih umum yang boleh merangkumi berita palsu yang melibatkan isu selain COVID-19 dan perisytiharan darurat. Bentuk hukuman yang disediakan di bawah Ordinan Darurat juga lebih berat berbanding hukuman yang disediakan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Kanun Keseksaan.

Walaupun pada masa ini, Malaysia tiada akta khusus berkenaan berita palsu selepas pemansuhan Akta Berita Tidak Benar 2018, peruntukan undang-undang sedia ada adalah mencukupi dalam menangani masalah berita palsu di Malaysia. Namun, peruntukan undang-undang sedia ada terutama di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Kanun Keseksaan perlu dipinda untuk memastikan peruntukan undang-undang yang berkesan dalam menangani berita palsu dalam menangani infodemic yang boleh mengancam keselamatan awam dan kestabilan serta keharmonian negara. Satu takrifan yang jelas dan terperinci perlu diperuntukkan di dalam statut agar tidak berlaku kelompongan (*lacunae*) takrifan sekiranya Ordinan Darurat ini diringkai atau dimansuhkan kelak. Selain itu hukuman yang lebih setara serta kriteria kesalahan perlu lebih jelas dalam menentukan sabitan.

Undang-Undang lain berkaitan untuk memerangi berita palsu

Selain peruntukan undang-undang berkaitan yang dibincangkan di atas, kesalahan berita palsu juga diperuntukkan dan dihukum di bawah **Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (AMCP)** dan **Akta Hasutan 1948 (AH)**. Sebagai contoh, **s.4 AMCP** melarang penggunaan mesin cetak untuk tujuan yang menyalahi undang-undang. Di samping itu, **s.8A AMCP** menjadikannya satu kesalahan untuk menyiarkan berita palsu, yang membawa, apabila disabitkan, hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM25,000 atau kedua-duanya.

Akta Hasutan 1948 juga menghukum mana-mana perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau apa-apa yang mempunyai kecenderungan menghasut di bawah **s.3** dan **s.4 AH** yang boleh dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada 3 tahun tetapi tidak melebihi tujuh tahun.

Langkah bukan undang-undang yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam menangani berita palsu di Malaysia

Untuk membendung penyebaran berita palsu, ianya tidak lagi mencukupi untuk bergantung kepada pihak berkuasa kawal selia yang sedia ada. Kerajaan telah menubuhkan badan yang baharu untuk menyokong pihak berkuasa kawal selia sedia ada.

Pada bulan Mac 2017, SKMM telah melancarkan portal '**Sebenarnya.my**' bagi membolehkan orang ramai mengesahkan atau menyemak kesahihan berita atau laporan bagi mengekang dan menghentikan penyebaran dan pendedaran berita palsu. Portal itu mempunyai lebih 100 rakan strategik yang terdiri daripada 22 kementerian kerajaan dan hampir 100 agensi yang meliputi pelbagai sektor dan bidang.

Di samping itu, kerajaan juga telah menubuhkan **Pasukan Respon Pantas (PRP)** pada 24 Mac 2020 yang memberi tumpuan untuk menangani maklumat tidak sahih berkaitan wabak, perintah kawalan pergerakan (PKP) dan lain-lain selepas mendapatkan penjelasan daripada pihak berkenaan. Penyemak fakta rasmi juga telah ditubuhkan untuk mempromosikan ketepatan dan kebenaran serta menentang berita palsu, seperti Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Penerangan Melalui Nyanyian, Tarian dan Drama (PENTARAMA) yang merupakan inisiatif di bawah Jabatan Penerangan (JPM) dan lain-lain lagi (Thomazios et al., 2021).

Kini terdapat banyak laman web semakan fakta yang tersedia untuk membolehkan seseorang mengesahkan kesahihan maklumat tertentu sebelum menyiarkan atau berkongsi melalui media sosial, termasuk *Medical Mythbusters Malaysia*, *Schicheck*, *Snopes.com*, *AP Fact Check*, *FactCheck.org*, *Politifact*, dan *Quoteinvestigator.com*. (The Star, 2020).

Langkah bukan undang-undang yang disediakan ini dapat membantu untuk mengekang penyebaran berita palsu terutama dalam menyediakan saluran yang tepat di mana pengguna media sosial khususnya, dan orang awam umumnya, dapat memastikan berita atau maklumat yang sahih sebelum berkongsi dengan orang lain. Ianya melengkapkan peruntukan undang-undang sedia ada di mana ia dapat mengelakkan seseorang terjebak daripada kesalahan berita palsu sekiranya mengamalkan langkah berhati-hati dalam memastikan berita yang dikongsi adalah benar dan sahih.

Kesimpulan

Penyebaran berita palsu boleh mengakibatkan ancaman sebenar terhadap keselamatan dan keharmonian awam, sekaligus mencerminkan tindakan tidak bertanggungjawab. Bagi mengelakkan tindakan ini dilakukan oleh orang ramai, terutama dalam kalangan pengguna media sosial, pembinaan etika dalam kalangan masyarakat mesti dilaksanakan supaya setiap individu dapat memastikan sebarang maklumat atau berita adalah benar, berfakta dan berinformasi yang boleh sama-sama dikongsikan sebelum menyebarkannya. Masyarakat perlu dididik setiap hari melalui pelbagai platform termasuk media sosial dan media arus perdana di negara ini. Kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang implikasi undang-undang melakukan kesalahan berkenaan pembuatan dan penyebaran berita palsu mesti dipertingkatkan. Akhir sekali, pindaan kepada undang-undang mengenai berita palsu adalah satu kemestian untuk memastikan peraturan yang berkesan dalam menangani infodemic yang boleh mengancam keselamatan awam dan kestabilan dan keharmonian negara. Tambahan lagi, daripada perbincangan mengenai Akta yang memperuntukkan kesalahan serta hukuman bagi berita palsu di atas, adalah jelas bahawa takrifan berita palsu hanya diperuntukkan di bawah Ordinan Darurat yang mana takrifan tersebut merujuk khusus kepada berita palsu berkenaan COVID-19 atau pengisytiharan darurat. Penulis mencadangkan agar satu takrifan yang jelas dan terperinci dapat diperuntukkan di dalam statut agar tidak berlaku kelompongan takrifan sekiranya Ordinan Darurat ini diringkai atau dimansuhkan.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah atas pembiayaan geran di bawah Skim Dana Khas; SDK265-2020.

Rujukan

- Ahinkorah, B. O., Ameyaw, E. K., Hagan, J. E., Seidu, A.-A., & Schack, T. (2020). Rising above misinformation or fake news in Africa: Another strategy to control COVID-19 spread. *Frontiers in Communication*, 5(June), 2018–2021. <https://doi.org/10.3389/fcomm.2020.00045>
- Daud, M., & Zulhuda, S. (2020). Regulating the spread of false content online in Malaysia: Issues, challenges and the way forward. *International Journal of Business and Society*, 21(S1), 32–48.
- Dobinson, I., & Johns, F. (2012). Qualitative legal research. In M. McConville & H. C. Wing (Eds.), *Research Methods for Law* (2nd ed., pp. 18–45). Edinburgh University Press.
- Gu, L., Kropotov, V., & Yarochkin, F. (2017). How Propagandists Abuse the Internet and Manipulate the Public. In *Trend Micro* (Vol. 5). https://documents.trendmicro.com/assets/white_papers/wp-fake-news-machine-how-propagandists-abuse-the-internet.pdf
- Hutchinson, T., & Duncan, N. (2012). Defining and describing what we do: Doctrinal legal research. In *Deakin Law Review* (Vol. 17, Issue 1).
- McConville, M., & Wing, H. C. (2012). Introduction and Overview. In M. McConville & H. C. Wing (Eds.), *Research Methods for Law* (2nd ed., pp. 1–17). Edinburgh University Press.
- Pennycook, G., McPhetres, J., Zhang, Y., Lu, J. G., & Rand, D. G. (2020). Fighting COVID-19 misinformation on social media: Experimental evidence for a scalable accuracy-nudge intervention. *Psychological Science*, 31(7), 770–780. <https://doi.org/10.1177/0956797620939054>
- Posetti, J., & Matthews, A. (2018). A short guide to the history of 'fake news' and disinformation. *International Center for Journalists*, 7, 1–9.
- Raja, I. (2020, May 14). Is social media facilitating conspiracy theories about COVID-19? *Daily Sabah*, 6698, 1–7. <https://www.dailysabah.com/opinion/oped/is-social-media-facilitating-conspiracy-theories-about-covid-19>
- Thomas, Z. (2020). *WHO says fake coronavirus claims causing "infodemic."* BBC News.
- Thomazios, C. N., Sohaimi, A. M., Wong, T., & Teh, C. (2021). Laws to tackle the spread of fake news in Malaysia. *Legal Network Series*, 1(A), 1–42.
- Wardle, C., & Derakhshan, H. (2017). Information Disorder: Toward an Interdisciplinary Framework for Research and Policy Making. In *Council of Europe Report* (Issue September 2017). <https://rm.coe.int/information-disorder-toward-an-interdisciplinary-framework-for-research/168076277c>
- Watch, H. R. (2021). *Malaysia: Revoke 'Fake News' Ordinance.* Human Rights Watch. <https://www.hrw.org/news/2021/03/13/malaysia-revoke-fake-news-ordinance>
- Watkins, D., & Burton, M. (Eds.). (2018). *Research*

Methods in Law (2nd ed.). Routledge.

- Yaqin, A. (2007). *Legal Research and Writing*. Lexis Nexis.
- Yatid, M. M. (2019). Truth tampering through social media: Malaysia's approach in fighting disinformation & misinformation. *IKAT - The Indonesia Journal of Southeast Asian Studies*, 2(2), 203–230.
- Zhou, X., & Zafarani, R. (2020). A survey of fake news: Fundamental theories, detection methods, and opportunities. *ArXiv:1812.00315v2*.